

15 FEB 2000

Sukma-Undang

P PINANG ANJUR MAJLIS MENGUNDANG MB, KM HADIR SUKAN MALAYSIA

PULAU PINANG, 15 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri Pulau Pinang akan menganjurkan majlis mengundang Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di seluruh negara bagi menjemput mereka menghadiri majlis perasmian dan penutupan Sukan Malaysia (Sukma) Mei ini, tidak lama lagi.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, majlis mengundang itu akan diketuai oleh timbalan ketua menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya dengan disertai beberapa Anggota Exco Kerajaan Negeri.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan majlis Pengundian dan Pengiraan 100 hari Sukma mulai hari ini, bahawa kerajaan negeri setakat ini puas hati dengan semua kelengkapan fizikal dan persediaan yang dijalankan bagi menghadapi sukan berkenaan.

Katanya, kerajaan negeri juga akan menganjurkan satu pesta khas Sukma yang sama seperti Pesta Pulau Pinang bagi menghidupkan suasana meriah di negeri ini sepanjang temasya itu berlangsung.

"Kita jangkakan lebih 15,000 orang termasuk atlit dan pegawai sukan daripada seluruh negara akan berada di negeri ini dan kerajaan negeri telah mengatur pelbagai acara sampingan untuk mereka", kata beliau.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukma Datuk Dr Sak Cheng Lum berkata, para peminat sukan tanah air berpeluang mengikuti perkembangan dan keputusan acara-acara sukan berkenaan menerusi internet.

Katanya, Pulau Pinang merupakan negeri penganjur pertama menyediakan kemudahan sistem Sukma On-Line bagi pendaftaran dan keputusan pertandingan.

Sebanyak 35 acara sukan akan dipertandingkan pada kejohanan Sukma yang bermula pada 27 Mei depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan upacara penutup sukan itu pada 3 Jun.

-- BERNAMA

AA zb